

21 JUN 2003

LELAKI DITAHAN KERANA CEROBOK MASUK KE DEWAN MERDEKA

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Seorang lelaki hari ini ditahan kerana menceroboh masuk ke Dewan Merdeka, tempat berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Lelaki yang berumur dalam lingkungan 40-an itu ditahan ketika menghampiri pentas yang menempatkan anggota-anggota Majlis Tertinggi Umno.

Jurucakap polis berkata kejadian itu berlaku kira-kira 3.45 petang semasa anggota MT, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman yang juga Penasihat Agama kepada Perdana Menteri sedang menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan itu.

Lelaki yang berpakaian kemas itu tidak mempunyai tanda nama sempena perhimpunan tersebut, katanya

Menurut jurucakap itu, semasa dibawa keluar oleh pegawai keselamatan, lelaki itu sempat menjerit nama "Mahathir" sebanyak dua kali.

Lelaki yang berasal dari Raub, Pahang itu telah dibawa ke Balai Polis Dang Wangi untuk siasatan.

-- BERNAMA

ERE ZS MOZ